



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 14 JANUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SAWAH DI REPOH, KG. JEJAWI DALAM KERING-KONTANG, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	LAIN – LAIN
2.	DURIAN 'KOPI SEGERA' JADI REBUTAN PEMBELI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	
3.	TAK BALIK MODAL, HARGA DURIAN MERUDUM, NEGARA, KOSMO, M/S – 13	
4.	TAHUN TERBURUK MUSANG KING, NEGARA, KOSMO, M/S – 13	
5.	SELANGOR TO SWIFTLY LICENSE, MODERNISE PIG FARMS: MB, NATIONAL, THE SUN, M/S – 4	
6.	ALL 69 PIG FARMS TO BE RELOCATED, SAYS SELANGOR MB, NEWS, NEW STRAITS TIMES, M/S – 16	
7.	KAJIAN EIA, SIA DISEGERAKAN, PROJEK LADANG PENTERNAKAN BABI DI BUKIT TAGAR, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 21	
8.	LADANG BABI HARAM DITINGGAL, TERBIAR, MUKA HADAPAN, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 1 & 4	
9.	KAEDAH TERNAK BABI MODEN ATASI PENCEMARAN AIR, BAU, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 2	
10.	LADANG BUKIT TAGAR: KAJIAN EIA, SIA, PERBINCANGAN DISEGERAKAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 6	
11.	BAU BUSUK BABI: PENGUSAHA PUSAT PERANGINAN RUGI, TIADA PELANCONG, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 6	
12.	KERAJAAN SELANGOR JAMIN SUNGAI TIDAK TERCEMAR, NEGARA, KOSMO, M/S – 3	
13.	PASTIKAN TIADA BAU BABI – PENDUDUK, NEGARA, KOSMO, M/S – 3	
14.	SUMBER BEKALAN AIR JADI 'TARUHAN', NEGARA, KOSMO, M/S – 3	
15.	TERNAK LEMBU LEBIH BAGUS DARIPADA BABI, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 9	
16.	BUKIT TAGAR LOKASI SESUAI GANTI TANJONG SEPAT, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 9	
17.	EIA, SIA JADI KEUTAMAAN PINDAH LADANG BABI, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 8	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28



PARA pesawah menunjukkan keadaan sawah yang kering-kontang dan merekah berikutan kemarau di Perlis.
- UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

Sawah di Repoh, Kg. Jejawi Dalam kering-kontang

KANGAR: Cuaca panas di Perlis yang mencecah sehingga 34 darjah Celsius mengakibatkan kawasan sawah di negeri ini kering-kontang dan merekah, lantas menjejaskan tanaman pesawah.

Antara yang terjejas adalah kawasan tanaman di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Paya yang melibatkan 200 pesawah di kawasan seluas kira-kira 380 hektar.

Itu membabitkan sawah di Repoh dan Kampung Jejawi Dalam yang dijangka mengalami keru-

gian besar.

Pesawah dari Kampung Jejawi Dalam, Ahmad Nasharuddin Yob, 59, berkata, kemarau sejak lebih sebulan lalu dibimbangi menyebabkan tanaman mereka terjejas, berikutan tidak mendapat keperluan bekalan air mencukupi bagi mengeluarkan padi.

Katanya, Empangan Timah Tasoh masih mempunyai bekalan mencukupi, namun air tidak dilepaskan bagi kegunaan tanaman.

"Sekarang kami hanya meng-

harapkan bekalan dari Sungai Santan atau Sungai Ngulang, tapi petani di sana pun tidak akan lepaskan air jika air dari empangan tidak dilepaskan ke kawasan mereka," katanya.

Ahmad Nasharuddin berkata, para petani telah mengeluarkan modal besar bagi mengusahakan tanaman termasuk menyewa tanah.

Katanya, situasi sama berlaku pada 2019, namun tindakan pantas telah diambil kerajaan untuk membantu pesawah terjejas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Durian 'kopi segera' jadi rebutan pembeli

JERANTUT: Siapa sangka, sebatang pokok durian kampung yang ditanam lebih 30 tahun lalu kini menjadi rebutan peminat raja buah kerana keunikannya yang beraroma dan rasa seakan kopi segera.

Pokok durian yang hanya terdapat di Kampung Damak di sini, mula mencuri perhatian sejak sedekad lalu apabila isi kekuningan gelapnya mempunyai rasa pahit manis, persis serbuk kopi segera.

Pemiliknya, Zulkifly Mahmud, 59, berkata, musim kali ini menghasilkan kira-kira 500 biji buah, namun permintaan luar biasa menyebabkan jualan mencecah hampir 600 kilogram (kg) dengan pulangan sekitar RM15,000.

"Pelanggan tetap sudah menempah lebih awal kerana mereka tahu musimnya singkat. Ada yang sanggup datang dari Lembah Klang dan Terengganu semata-mata untuk menikmati durian ini," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Zulkifly berkata, durian unik itu pada asalnya hanya baka kampung biasa, namun hasil cantuman tunas oleh bapanya, Mahmud Pak Adek dengan durian sangka, menghasilkan aroma dan rasa yang menyerupai kopi segera.



ZULKIFLY Mahmud (kiri) menunjukkan isi durian kampung dengan aroma serta rasa kopi segera di Kampung Damak, Jerantut, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

Katanya, buah itu bukan sahaja dijual di gerai hadapan rumahnya, malah turut dihantar kepada pemborong di Kuala Terengganu dan Lembah Klang kerana reputasinya sudah tersebar luas.

"Harga jualan RM25 sekilogram dianggap berbaloi kerana keunikan rasa dan aromanya

tidak terdapat pada durian lain," katanya.

Menurutnya, fenomena itu membuktikan bahawa baka kampung juga mampu menjadi tarikan komersial, malah memberi pulangan lumayan kepada pekebun kecil apabila dipasarkan dengan jenama dan cerita yang unik.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2026	KOSMO	NEGARA	13



NORMAN menunjukkan durian musang king yang sudah mengeluarkan hasil sejak ditanam pada penghujung 2020 di Kampung Changgang, Inas, Kuala Pilah semalam. — NOR AINNA HAMZAH

Tak balik modal, harga durian merudum

- **Pekebun musang king rayu kerajaan bantu stabilkan harga**
- **Modal besar diperlukan sedangkan harga makin murah**

Oleh NOR AINNA HAMZAH

KUALA PILAH – Seorang pekebun durian bumiputera musang king di Inas, di sini meminta kerajaan melakukan sesuatu agar raja buah bergred premium itu tidak terus mengalami kejatuhan harga seperti sekarang.

Norman Kassim, 55, berkata, jika keadaan terus berlarutan pekebun seperti ini bakal mengalami kerugian besar sedangkan modal dikeluarkan untuk pe-

nanaman durian jenis itu tinggi.

Katanya, dia sudah mengeluarkan modal kira-kira RM200,000 sejak 2020 ekoran menyahut saranan kerajaan agar golongan bumiputera menanam musang king pada skala komersial.

Ujarnya, langkah pertamanya membeli tanah seluas hampir satu hektar pada harga RM80,000 di Kampung Changgang, Inas bagi menanam 100 batang pokok durian premium.

"Daripada jumlah itu, 65 daripadanya ialah musang king, lima duri hitam (*black thorn*), lima tekka, lima IOI dan selebihnya pelbagai jenis durian.

"Kos baja serta foliar (semburan daun) dan gaji seorang pekerja antara RM3,000 hingga RM5,000 sebulan.

"Ini belum kos lain dan keperluan baja juga mengikut saiz pokok, selain harga baja sering naik, terkini RM220 bagi satu

guni 50 kilogram.

"Dalam setahun dianggarkan sekitar RM50,000 modal diperlukan bagi memastikan pokok durian premium terjaga dengan baik," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Katanya, tindakan segera harus diambil kerajaan bagi memastikan pelaburan besar yang dibuat pekebun durian premium ini akan mendatangkan hasil seperti diuar-uarkan sebelum ini.

Sebelum ini dikatakan sebatang pokok musang king dapat menghasilkan sekitar 50 biji dan boleh memberi pulangan sekitar RM4,000 sedangkan harganya agak rendah di pasaran masa ini.

Katanya, senario itu secara tidak langsung 'mematikan' semangat belia khususnya bumiputera untuk menyahut saranan kerajaan menceburkan diri dalam pertanian khususnya penanaman durian.

Tahun terburuk musang king

KUALA TERENGGANU – Kejatuhan harga durian terutama musang king pada musim ini merupakan antara yang terburuk dalam tempoh 10 tahun ekoran berlaku lambakan pengeluaran serentak terutama di Perak, Pahang, Melaka dan Johor.

Perkara itu diakui pemborong durian, Shamsudin Mat Adam yang mengatakan, disebabkan itu, penggemar raja buah termasuk jenis premium seperti musang king dan duri hitam (*black thorn*) dijangka boleh terus menikmatinya pada harga murah sehingga berakhirnya musim luruh pertengahan bulan depan.

Katanya, durian musang king gred B kini dijual pada harga RM12.90 sekilogram (kg) manakala duri hitam RM20 sekilogram, manakala jenis kampung dan kahwin pula semurah RM5 sekilogram.

Beliau yang berpengalaman sebagai pemborong durian selama 15 tahun berkata, berdasarkan maklum balas pemain industri, harga durian pada musim kali ini akan kekal rendah sehingga akhir musim.

"Berlaku lambakan durian

ekoran pengeluaran serentak terutama di Perak, Pahang, Melaka dan Johor.

"Lagi pun kebanyakan pengeluaran durian pada musim ini tidak mencapai piawaian ditetapkan untuk dieksport ke luar negara," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Katanya, biarpun begitu hikmah di sebalik kejatuhan itu adalah orang ramai kini boleh menikmati durian bergred premium pada harga 'mampu beli'.

"Durian musang king dan *black thorn* yang dulunya sebahagian orang cuma 'mampu tengok' kini sudah boleh dirasai keenakannya," katanya.

Samsudin berkata, setiap hari, syarikat pemborongnya membawa masuk lebih 20 tan durian ke Terengganu untuk jualan.

Ujarnya, bekalan durian tersebut bukan sahaja untuk dijual di gerai-gerai miliknya, malah diagihkan kepada peniaga lain di seluruh negeri berkenaan.

"Alhamdulillah permintaan durian sangat tinggi pada masa ini. Bekalan durian diperolehi dari Johor dan Pahang," katanya.



ORANG ramai berebut membeli durian murah dari salah sebuah gerai Samsudin di Hiliran, Kuala Terengganu semalam.

Selangor to swiftly license, modernise pig farms: MB

► 'Plan aligns with Sultan's decree to end pollution, phase out traditional methods'

■ BY KIRTINEE RAMESH
newsdesk@thesundaily.com

SHAH ALAM: Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari announced that the state government is moving swiftly to license and modernise pig farms across Selangor, with a strong focus on environmental protection and public health.

He said currently there are 22 pig farming areas in the state, with 69 active operators identified.

"We no longer issue new licences, but we plan to relocate the operators as soon as possible, possibly within this year, following the Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah's decree to expedite the process."

Amirudin was speaking at a press conference at the Sultan Salahuddin Abdul Aziz Building

after presenting appointment letters to the National Information Dissemination Centre advisory panel.

He emphasised that relocation would involve engagement and negotiation with operators.

"As long as operations continue at the current sites, pollution from traditional livestock practices would persist.

"Our first step is to phase out outdated management systems that contribute to odour and water contamination, and replace them with modern farming practices managed by the private sector.

"No state funds or land are involved; all land is purchased by the operators themselves," he said, dismissing claims that the state intended to establish a large-scale export hub.

He said initial veterinary data shows that only 30% of Selangor's pig population, about 120,000 pigs, currently meets local demand.

He added that the existing sites are intended solely to satisfy this demand, and an independent body would conduct a full review of supply, demand and distribution, including supermarket purchases, to ensure proper planning.

"The immediate priority is to close the Kuala Langat site due to pollution concerns and expedite relocation to new sites that meet modern environmental standards.

"Tuanku has requested that the process be carried out quickly, and we will act on that directive."

He added that all necessary assessments, including an Environmental Impact Assessment, would be conducted at new sites to prevent similar pollution issues.

"The new sites will serve local demand and will not lead to an increase in pig numbers."

The Selangor ruler previously expressed disappointment with a plan to allow pig farming in Tanjong Sepat, Kuala Langat, citing concerns over potential large-scale operations covering 202 hectares aimed at export markets.

Amirudin said the state's plan aligns with the Sultan's wishes to end water pollution and phase out traditional farming, without creating mega-export operations.

"Waste systems must operate independently, without discharging harmful materials into rivers or affecting surrounding areas."

He emphasised that pig farming operations are privately owned and regulated, with the government acting mainly as a coordinator.

On Saturday, the Selangor ruler ordered all pig farming operations in Tanjong Sepat, Kuala Langat, to be phased out and relocated to Bukit Tagar, with no new farms allowed in the area.

In a statement issued by Istana Alam Shah, Sultan Sharafuddin said the relocation must be carried out in an orderly manner, in compliance with legal requirements and guided by public interest, environmental protection and social harmony.

He also called for a detailed study to determine the actual demand for pork among non-Muslims in Selangor, adding that there is no intention to export production and that the findings should guide the scale, capacity and land size of operations.

Sultan Sharafuddin also emphasised that all related matters must be carried out without involving public funds and urged all parties to implement the decisions responsibly to safeguard public well-being and environmental sustainability.

SULTAN'S DIRECTIVE

All 69 pig farms to be relocated, says Selangor MB

SHAH ALAM: Only 69 licensed pig farms remain active in Selangor and they are expected to be relocated by this year, Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said.

He added that although the initial plan was to move the farms over a three-year period, Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah has directed that the process be expedited.

"At the moment, there are 69 active operators and we no longer issue any licences.

"We plan to relocate them as soon as possible, possibly within this year, as Tuanku wants the process to be carried out quickly and we will act on that directive," he said after presenting appointment letters to the National Information Dissemination Centre Advisory Panel chairman at the Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Building here yesterday.

Amirudin said the relocation requires engagement and negotiations with operators, stressing that pollution would persist as

long as operations remained at the current sites.

In his speech earlier, Amirudin dismissed claims surrounding pig farming in Selangor as exaggerated and factually inaccurate.

He said reports suggesting the state government intended to establish a large-scale export hub were untrue.

He added that all necessary assessments, including an Environmental Impact Assessment, would be conducted at the new site to prevent similar pollution issues.

Amirudin also refuted claims that Selangor planned to export pork, noting the state's pig population has been reduced from 250,000 to around 120,000.

"Based on preliminary data from the Veterinary Department, there are roughly 120,000 pigs, which currently meet only about 30 per cent of local consumption needs. This is still early data.

"The sultan of Selangor has requested a detailed study and we will appoint an independent



Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari (second from right) handing an appointment letter to a National Information Dissemination Centre Advisory Panel chairman at the Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Building in Shah Alam, yesterday. Also present is Communications Minister Datuk Fahmi Fadzil (second from left). NSTP PIC BY FAIZ ANUAR

body to carry it out.

"I hope it can be completed as soon as possible, as it does not involve a complex process," he said.

Amirudin added that the new site would serve local demand and would not lead to an increase

in pig numbers.

The Selangor sultan had previously expressed disappointment and disagreement with a plan to allow pig farming in Tanjong Sepat, Kuala Langat, be-

ginning this year before a proposed relocation to Bukit Tagar

in 2030.

According to a statement from Istana Alam Shah, the ruler viewed the decision seriously, particularly regarding the possibility of large-scale operations covering 202 hectares oriented toward export markets.

TARIKH

14/1/2026

MEDIA

NEW
STRAITS
TIMES

RUANGAN

NEWS

MUKA
SURAT

16

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2026	HARIAN METRO	LOKAL	21

PROJEK LADANG PENTERNAKAN BABI DI BUKIT TAGAR

Kajian EIA, SIA disegerakan

Oleh Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Kerajaan negeri akan menyegerakan proses kajian Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) dan Penilaian Impak Sosial (SIA) terhadap projek ladang penternakan babi yang baharu di Bukit Tagar, Hulu Selangor.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pembinaan ladang penternakan babi itu juga memerlukan kajian EIA dan sebagainya kerana berkemungkinan terdapat perumahan dan penempatan selain meninjau kesan kepada kawasan sungai dan kawasan sekitarnya.

"Tuanku (Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah) bertitah agar disegerakan, insya-Allah kita akan laksanakan dengan sebaik dan secepat mungkin dan memastikan perbincangan dengan pihak terlibat itu dilaksanakan dengan sesegera dan semaksimal mungkin.

"Kita akan tengoklah semasa proses yang dibuat daripada EIA dan sebagainya, sebab itu kita mungkin memerlukan masa tetapi dalam masa terdekat ini segalanya kita akan cuba perkemaskan dengan cepat.

"Kita juga akan mengadakan rundingan dengan pihak-pihak terbabit di kawasan persekitaran (Bukit Tagar), (tetapi) pendengaran awam tidak semestinya dilak-



AMIRUDIN (dua dari kanan) menyampikan watikah kepada Pengerusi Panel Penasihat NADI Shah Alam, Adib Ashman Burhan Burhanudin pada Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Pengerusi Panel Penasihat NADI Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz. Turut hadir Fahmi (dua dari kiri)

kukan, kita ikut peraturan dan keperluan," katanya ketika diminta mengulas mengenai rancangan pembangunan kawasan penternakan babi di Bukit Tagar.

Beliau berkata demikian dalam sidang media di Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Pengerusi Panel Penasihat Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) Selangor dan Wilayah Kuala Lumpur, di sini, semalam yang turut

dihadiri Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, setakat ini seramai 69 pengusaha ladang penternakan babi yang aktif dikenal pasti dan selebihnya menjalankan operasi secara tanpa lesen di negeri ini.

"Kita perlu laksanakannya secepat mungkin dengan mengadakan rundingan dan menerangkan kepada mereka (pengusaha) bahawa sela-

gi tidak ditutup kawasan itu, selagi itulah pencemaran yang terhasil daripada konsep penternakan tradisional ini akan berlanjutan.

"Jadi, langkah awal kita adakan menutup pengurusan tradisional yang ternyata melahirkan pencemaran bau, pencemaran air dan sebagainya ke arah penternakan moden yang diusahakan oleh pihak swasta (di Bukit Tagar).

"Saya tegaskan (penter-

kan ladang babi di Bukit Tagar) memang tidak melibatkan kewangan kerajaan negeri dan mana-mana tanah juga adalah yang dibeli oleh pihak terbabit," katanya.

Beliau berkata, apa yang penting penutupan segera semua ladang penternakan tradisional yang menjadi punca pencemaran dengan beralih kepada konsep penternakan moden yang lebih baik.

"Di tempat sana (Bukit Tagar), saya hendak tengok semua isunya, bagaimana sistem kumbahan, adakah boleh berdiri dengan sendiri tidak perlu 'discharge' dan tidak memberikan risiko kepada kawasan-kawasan sungai dan alam sekitar, ia akan lebih baik selain perketat keselamatan dan sebagainya," katanya.

Menurutnya, data awal berdasarkan cerapan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar, terdapat kira-kira 120,000 ekor babi di Selangor pada ketika ini.

"Jumlah itu hanyalah memenuhi 30 peratus daripada keperluan tempatan dan buat masa ini tapak itu hanyalah untuk keperluan (masyarakat bukan Islam)," katanya.

Kelmarin, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan agar kajian menyeluruh kuantiti sebenar keperluan dan permintaan daging babi khusus untuk kegunaan rakyat bukan Islam di negeri itu dibuat selain tiada lagi penternakan babi di Kuala Langat dan peruntukan kewangan kerajaan negeri untuk operasi penternakan babi di Selangor pada masa depan.

Itu antara ketetapan diti-tahkan baginda ketika sesi menghadap Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Pertanian negeri, Datuk Izham Hashim dan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Selangor, Datuk Ng Suee Lim di Istana Bukit Kayangan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	MUKA HADAPAN	1

Penduduk dakwa tidak lagi beroperasi selepas wabak demam babi

Ladang babi haram ditinggal, terbiar

Oleh **NURIN NABILAH MAHMUD**
utusannews@mediamulla.com.my

SEPANG: Ketika isu babi hangat diperkatakan, beberapa ladang ternakan itu ditinggalkan oleh pemiliknya di daerah ini, mencetuskan kebimbangan kepada penduduk di beberapa buah kampung berdekatan.

Antara kampung terbabit ialah Kampung Ladang Tumbuk, Kampung Batu Untung dan Kampung Batu Laut.

Apa yang membimbangkan penduduk ialah ketiadaan pengawasan ke atas ladang-ladang berkenaan yang menurut mereka telah menutup operasi selepas wabak demam babi Afrika

(ASF) melanda dunia termasuk Malaysia tahun lalu.

Namun, tinjauan *Utusan Malaysia* ke kawasan itu mendapati, masih terdapat babi dalam kandang yang ditinggalkan itu.

Tahun lalu, sebanyak 58 ladang babi di Selangor iaitu 55 di Kuala Langat dan tiga di Sepang, disahkan dijangkiti wabak ASF

menyebabkan 14,000 ekor haiwan itu terpaksa dilupuskan untuk mengawal penularan wabak.

Menurut laporan media, pelupusan babi berkenaan dilakukan di kawasan kandang terlibat, bagi mengelak wabak merebak ke kawasan lain.

Bersambung di muka 4



Terbiar

BABI yang ditinggalkan terbiar dalam kandang di Ladang Tumbuk, Tanjong Sepat, Kuala Langat. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	4

Ladang babi haram ditinggal, terbiar

Dari muka 1

Wartawan *Utusan Malaysia* cuba menyelami masalah dihadapi oleh penduduk setempat berkait isu ternakan babi di kawasan itu sebelum ini.

SALIRAN AIR MENGALIR

Perjalanan wartawan *Utusan Malaysia* dan jurufoto menyusuri jalan utama Tanjung Sepat membawa kepada pemandangan yang sukar diabaikan apabila saluran air yang mengalir bersebelahan jalan kelihatan terus menuju ke laut, hanya kira-kira 50 meter dari pesisir pantai.

Di beberapa lokasi sekitar Kampung Ladang Tumbuk hingga Kampung Batu Untung, saluran tersebut dapat dilihat mengalir tanpa sebarang halangan sebelum memasuki pantai, sekali gus mencetuskan persoalan mengenai tahap pengurusan sisa kumbahan di kawasan berkenaan.

Tinjauan mendapati kawasan perumahan di sekitar laluan tersebut tidak diselubungi bau yang ketara, namun suasana berubah apabila menghampiri kawasan Sungai Giling, iaitu sungai utama yang menjadi laluan saliran sebelum mengalir ke Pantai Cunang dan Pantai Batu Laut.

Di pesisir pantai berhampiran muara sungai, bau kurang menyenangkan dapat dihidu, dipercayai berpunca daripada aliran sungai yang terus memasuki laut tanpa rawatan yang jelas.

Cubaan untuk meninjau lebih dekat keadaan di dalam kawasan ladang bagaimanapun gagal apabila kebanyakan ladang berada di tanah persendirian berpagar dan berkunci.

Namun, ketika sedang meninjau kawasan sekitar, kelihatan pagar sebuah ladang terbuka dengan sebuah kenderaan ada di kawasan tersebut. Wartawan cuba memasuki kawasan kandang bagi melihat keadaan di sekitarnya.

Tidak lama kemudian, seorang pekerja dilihat keluar dari kawasan ladang tersebut dengan menaiki sebuah motosikal, lengkap memakai but kuning, sebelum menghampiri kenderaan kami.

KOLAM KUMBAHAN

Jurugambar yang turun untuk merakam gambar kolam kumbahan di ladang itu segera kembali ke dalam kenderaan sebaik menyedari kehadiran pekerja terbabit.

Pekerja berkenaan kemudian menegur dan meminta tingkap kenderaan dibuka sebelum bertanya, "Awak mahu potong babi ke?"

Jurugambar menjelaskan bahawa kami tersalah jalan dan



LADANG penternakan babi dipercayai membuang bahan kumbahan sisa menyebabkan pencemaran bau di sekitar perumahan penduduk di Ladang Tumbuk, Tanjung Sepat, Kuala Langat, Sepang. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

tidak berniat memasuki kawasan tersebut.

"Tidak, tidak, kami tersesat dan salah jalan," katanya, sebelum beredar meninggalkan kawasan berkenaan.

Seterusnya, di sebelah laluan utama Tanjung Sepat yang terletak kira-kira 30 meter dari laut, kami terjumpa ladang ternakan babi yang sudah tidak beroperasi dengan pagar terbuka. Kami cuba memasuki kawasan tersebut.

Di lokasi tersebut, suasana dalam ladang yang menempatkan beberapa kandang kelihatan sunyi tanpa sebarang aktiviti jelas, namun bau busuk semakin kuat.



LADANG penternakan babi di Ladang Tumbuk, Tanjung Sepat, Kuala Langat yang kini terbiar. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA



Bau yang busuk dan warna kehitaman yang pekat dapat dilihat di hujung Sungai Giling menjadikan lokasi tersebut sebagai bukti pencemaran ladang ternakan babi di Tanjung Sepat."

Ketika tinjauan diteruskan di sekitar premis berkenaan, kami menemui seorang pekerja warga Indonesia yang kemudian menunjukkan kandang yang masih menempatkan beberapa ekor babi.

MULUT BERBUIH

Haiwan itu kelihatan tidak aktif, hanya terbaring dalam kandang, dengan beberapa ekor daripadanya berbuih di mulut.

Kami cuba mengambil peluang menemui bual pekerja itu, namun dia kurang menjawab soalan.

Jurugambar juga mengambil peluang mengambil gambar haiwan-haiwan ternakan tersebut serta sekitar kandang.

Tidak lama selepas itu, kami bergerak ke lokasi di mana Sungai Giling bertemunya dengan Pantai Batu Laut berdekatan rumah penduduk.

Ketika itu, keadaan air laut sedang surut menyebabkan dasar Sungai Giling serta pasir di sepanjang pantai kelihatan kehitaman.

Bau semakin kuat apabila tinjauan dibuat lebih hampir ke Sungai Giling, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap tahap pencemaran di kawasan pesisir berkenaan.

Bau yang busuk dan warna kehitaman yang pekat dapat dilihat di hujung Sungai Giling menjadikan lokasi tersebut sebagai bukti pencemaran ladang ternakan babi di Tanjung Sepat.

Isu ternakan babi di Selangor menjadi perdebatan susulan keputusan kerajaan negeri membenarkan operasi ternakan babi di Tanjung Sepat, Kuala Langat bermula tahun ini, sebelum dipindahkan ke Bukit Tagar pada 2030 di atas tanah seluas kira-kira 202 hektar.

Isu tersebut menjadi hangat selepas Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dukacita dan tidak bersetuju dengan perancangan kerajaan negeri itu.

Sultan Selangor menzhahirkan kebimbangan memandangkan Kuala Langat didiami oleh ramai penduduk Melayu dan sehingga ke hari ini, masalah berkaitan penternakan babi di kawasan tersebut masih gagal diselesaikan sepenuhnya sejak 2010.

Baginda turut mengusulkan agar wakil-wakil rakyat tinggal dan menetap bersebelahan kawasan penternakan babi seperti di Kuala Langat bagi merasai sendiri pengalaman sebenar yang dialami penduduk setempat.

Baginda turut menitahkan garis panduan bagi pemindahan ladang-ladang ternakan babi dari Tanjung Sepat, Kuala Langat ke Bukit Tagar, Hulu Selangor supaya ia dilakukan dengan teliti dan harmoni.

Malah, baginda juga menekankan operasi penternakan babi di negeri ini mengambil kira kepentingan rakyat, kesejahteraan alam sekitar serta keharmonian sosial di Selangor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Minda Pengarang

MOHD. RADZI MOHD. ZIN



Kaedah ternak babi moden atasi pencemaran air, bau

PEMBUKAAN ladang babi secara berpusat di Bukit Tagar, Hulu Selangor yang dikendalikan dengan kaedah penternakan moden oleh pengusaha swasta secara sepenuhnya perlu disokong.

Isu ini menjadi hangat selepas Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dukacita dan tidak bersetuju dengan perancangan kerajaan negeri itu.

Sultan Selangor menzahirkan kebimbangan memandangkan Kuala Langat didiami oleh ramai penduduk Melayu dan sehingga ke hari ini, masalah berkaitan penternakan babi di kawasan tersebut masih gagal diselesaikan sepenuhnya sejak 2010.

Baginda turut mengusulkan agar wakil-wakil rakyat tinggal dan menetap bersebelahan kawasan penternakan babi seperti di Kuala Langat bagi merasai sendiri pengalaman sebenar yang dialami penduduk setempat.

Walaupun bagi orang Melayu, isu ini adalah sensitif dan mereka tidak suka membincangkannya, Kerajaan Negeri Selangor mesti mencari jalan penyelesaian yang terbaik.

Malah, Sultan Selangor turut menitahkan supaya kerajaan negeri tidak mengeluarkan sebarang peruntukan kewangan atau membuat pelaburan terhadap pembukaan dan operasi ladang ternakan babi di Bukit Tagar pada masa hadapan.

Sebab itu, kita perlu menyokong keutamaan segera kerajaan negeri untuk menutup ladang babi tradisional di Kuala Langat yang telah menyebabkan pencemaran bau dan air.

Untuk mengatasi isu ini, kerajaan negeri akan menyegerakan kajian penilaian impak alam sekitar (EIA) dan sosial (SIA) sebelum melaksanakan pembangunan ladang ternakan babi berpusat di Bukit Tagar itu.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kajian juga akan mengenal pasti segala risiko serta menentukan jarak kedudukan kawasan perumahan yang paling hampir.

Langkah tersebut bagi menyegerakan pemindahan ladang-ladang sedia ada di Tanjung Sepat, Kuala Langat yang melibatkan 69 pengusaha daripada 112 ladang termasuk 112 di Tanjung Sepat, Kuala Langat dan tiga di Sungai Belantan, Sepang.

Berdasarkan data, populasi babi semasa hanya memenuhi kira-kira 30 peratus daripada permintaan tempatan. Kerajaan negeri juga tidak berhasrat meningkatkan pengeluaran melebihi keperluan domestik atau beralih kepada aktiviti eksport.

Kawasan Bukit Tagar turut merangkumi Hutan Simpan Bukit Tarik yang juga sebahagian daripada Rangkaian Hutan Tengah Semenanjung (CFS) iaitu kawasan lindungan serta koridor penting bagi pergerakan hidupan liar.

Presiden Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRASS), Mohd. Yusaimi Md. Yusof berkata, jika pembukaan ladang ini melibatkan kawasan hutan simpan, kerajaan negeri perlu menyatakan dengan jelas proses nyahwarta yang akan dilaksanakan, termasuk kaedah dan lokasi penggantian hutan simpan tersebut.

Selain itu, kawasan Bukit Tagar turut menempatkan Empangan Sungai Tenggi yang merupakan salah satu kawasan tadahan dan simpanan air penting bagi rakyat Selangor.

Terdapat lima loji rawatan air (LRA) di sepanjang Sungai Selangor dari Bukit Tagar hingga ke Kuala Selangor.

Oleh itu, orang awam juga berhak mengetahui bagaimana sistem rawatan kumbahan akan dikendalikan serta jenis effluen yang akan dilepaskan ke Sungai Selangor.

Mohd. Radzi Mohd. Zin ialah Pengarang Berita Kanan Utusan Malaysia

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Ladang Bukit Tagar: Kajian EIA, SIA, perbincangan disegerakan

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
athir.ismail@mediamulla.com.my

SHAH ALAM: Kerajaan negeri akan menyegerakan kajian penilaian impak alam sekitar (EIA) dan sosial (SIA) sebelum melaksanakan pembangunan ladang ternakan babi berpusat di Bukit Tagar, Hulu Selangor.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kajian juga akan mengenal pasti segala risiko serta menentukan jarak kedudukan kawasan perumahan yang paling hampir.

Katanya, langkah tersebut untuk menyegerakan pemindahan ladang-ladang sedia ada di Tanjung Sepat, Kuala Langat yang melibatkan 69 pengusaha daripada 112 ladang termasuk 112 di Tanjung Sepat, Kuala Langat dan tiga di Sungai Belangan, Sepang.

"Kita akan melaksanakan secepat mungkin sebab ia melibatkan ladang yang aktif dan sekarang ada 69 pengusaha. Se-

bolehnya kita akan melaksanakan (pemindahan) pada tahun ini selepas tuanku (Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah) minta supaya disegerakan.

"Kita juga akan memastikan perbincangan bersama pihak-pihak terlibat termasuk di kawasan persekitaran dilakukan secepat mungkin. Jadi, kerajaan negeri akan tumpukan kepada keselamatan yang memerlukan perbincangan dan perincian dengan pihak tempatan.

"Pendengaran awam kita akan lakukan jika ada keperluan," katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Pengerusi Panel Penasihat Pusat Sebaran Maklumat Nasional (Nadi), semalam.

Utusan Malaysia semalam melaporkan, perusahaan ternakan babi di Kampung Ladang Tumbuk di Tanjung Sepat akan ditutup dan perkara itu akan dibawa ke Mesyuarat Ma-

jlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor, esok.

Exco Infrastruktur dan Pertanian, Datuk Izham Hashim berkata, pembaharuan lesen juga tidak akan diberikan sehingga pemindahan penternakan dilakukan di ladang babi moden berpusat di Bukit Tagar yang akan dipercepatkan.

Malah, Sultan Selangor menitahkan supaya kerajaan negeri tidak mengeluarkan sebarang peruntukan kewangan atau membuat pelaburan terhadap pembukaan dan operasi ladang ternakan babi di Bukit Tagar pada masa hadapan.

Jelas Amirudin, matlamat pembukaan ladang babi secara berpusat di Bukit Tagar adalah menutup konsep ladang tradisional yang menyebabkan pencemaran air dan bau.

"Sebab yang pentingnya adalah hendak tutup dahulu di Kuala Langat sebab ia sudah mencemarkan dan kita akan segerakan



AMIRUDIN Shari ditemui pemberita pada Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Pengerusi Panel Penasihat Nadi, di Shah Alam, Selangor, semalam.

tempatnyanya (Bukit Tagar).

"Yang di sana (Bukit Tagar) itu, saya hendak tengok semua isunya dan bagaimana sistem kumbahan (diuruskan). Kalau

kita berpuas hati, tidak perlu discharge (pembuangan sisa keluar) dan tidak memberikan risiko kepada kawasan sungai serta alam sekitar," tegasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Bau busuk babi: Pengusaha pusat peranginan rugi, tiada pelancong

Oleh **NURIN NABILAH MAHMUD**
utusannews@mediamulia.com.my

SEPAH: Pencemaran bau dan stigma orang ramai di Tanjung Sepat yang menggelar 'perkampungan babi' menyebabkan pelancong dari dalam dan luar negara kurang gemar mengunjungi kawasan ini sehingga membawa kerugian kepada pengusaha pusat peranginan.

Pengusaha pusat peranginan, Noridah Endut, 65, berkata, persepsi negatif yang berlarutan sejak lebih dua dekad lalu itu memberi kesan langsung kepada operasi pusat peranginan, perniagaan kecil dan komuniti tempatan yang bergantung kepada sektor pelancongan.

Katanya sebagai wakil pengusaha pusat peranginan sekitar Tanjung Sepat, kawasan itu memiliki keindahan pantai serta potensi besar sebagai destinasi pelancongan namun masalah bau busuk yang berpunca daripada aktiviti penternakan babi sering menjadi rungutan utama pengunjung.

"Ramai yang berminat untuk datang bercuti, tetapi mereka akan datang sekali sahaja dan tidak kembali semula kerana tidak selesa dengan bau," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Noridah berkata, keadaan itu menjadi lebih teruk terutama pada waktu petang dan malam sehingga boleh menyebabkan pelbagai projek terpaksa dihentikan.

"Bau memang kuat terutama pukul 5 petang waktu mereka mandikan babi. Orang luar sampai sahaja ke kawasan ini, perkara pertama mereka cakap adalah bau," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut mendedahkan kawasan berkenaan pernah menarik minat pelabur asing, termasuk dari Asia Barat, yang berhasrat membeli tanah bagi membangunkan sebuah hotel serta kemudahan marina kecil untuk pelabuhan bot dan kapal layar.

Bagaimanapun, katanya, perancangan tersebut tidak diteruskan selepas pelabur terbabit

membuat tinjauan di lokasi dan mendapati masalah bau wujud di kawasan berkenaan.

"Mereka sudah datang melihat tapak dan berminat untuk membeli, tetapi akhirnya tarik diri kerana bau dari ladang babi. Masalah ini menyebabkan kami kerugian besar kerana terlepas peluang menjana ekonomi di Batu Laut," katanya.

Noridah berkata, selain men-

jejaskan pelancongan, pencemaran sisa ladang yang dialirkan ke sungai sebelum mengalir ke laut turut menyebabkan hakisan pantai semakin teruk, memaksa pihaknya mengambil inisiatif sendiri untuk menanam pokok bakau dan membina benteng perlindungan.

"Saya terpaksa berbelanja hampir RM500,000 untuk pemuliharaan pantai kerana kesan hakisan akibat pembuangan sisa najis babi itu. Kalau kawasan ini dipulihkan sepenuhnya, saya yakin pelancongan boleh bangkit semula," katanya.

Sementara itu, peniaga di Kampung Batu Laut, Sah Hamid Samuri, 59, berkata, proses pengangkutan haiwan menggunakan lori turut menimbulkan rasa tidak selesa dalam kalangan penduduk, khususnya apabila lori yang membawa babi melalui kawasan perkampungan.

Menurutnya, lori terbabit sering mengeluarkan bau busuk dan air kotor yang dipercayai air basahan ternakan itu sehingga mengganggu pengguna jalan raya serta penduduk setempat.

"Kalau lori kosong tak jadi masalah, tapi apabila lori bawa babi, air akan menitis dan terpercik di jalan raya. Kadang-kadang kami naik motosikal, bila lori potong, air itu terkena, balik kena serti pula," katanya.



AIR perparitan yang tercemar dipercayai angkara pengusaha ternakan babi membuang sisa kumbahan ke laut ketika tinjauan ladang ternakan babi secara haram di Ladang Tumbuk, Tanjung Sepat, Kuala Langat, Sepang, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2026	KOSMO	NEGARA	3

Kerajaan Selangor jamin sungai tidak tercemar

- Era ladang babi tradisional telah berakhir
- Ternakan moden di Bukit Tagar bebas pencemaran

Oleh MOHAMAD NAUFAL
MOHAMAD IDRIS

SHAH ALAM – Kerajaan Negeri Selangor memberi jaminan tidak akan berlaku lagi pencemaran sungai dengan pemindahan ladang babi ke Bukit Tagar, Hulu Selangor, yang akan beroperasi tahun hadapan.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, penternakan babi secara tradisional di negeri ini akan damatkan segera dan digantikan dengan sistem ternakan secara moden di Bukit Tagar.

Sebelum ini katanya, kaedah tradisional terbukti mencemarkan bau dan air sungai.

"Di tempat baru (di Bukit Tagar), kita akan pastikan tidak berlaku lagi pencemaran di kawasan sungai.

"Selagi kita tidak menamatkan pengurusan tradisional ini, selagi itu pencemaran akan berterusan," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Wafiah Pelantikan Pengerusi Panel Penasihat Pusat Sebaran Maklumat (NADI) Selangor dan Wilayah Persekutuan di sini semalam.



AMIRUDIN

Amirudin berkata, beberapa buah negara telah mengamalkan penternakan moden tanpa sebarang isu pencemaran, sekaligus menjadi jawapan sebenar kepada masalah penternakan babi selama ini.

"Saya tegaskan sekali lagi bahawa jumlah babi yang ada di Bukit Tagar hanya cukup untuk keperluan dalam negeri sahaja dan bukannya untuk dieksport.

"Data awal daripada veterinar menunjukkan ada kira-kira 100,000 ekor babi yang ditenak di Selangor, iaitu hanya 30 peratus daripada keperluan dalam negeri ini," katanya.

Sabtu lalu, Sultan Sharafuddin tidak bersetuju dengan keputusan kerajaan negeri yang membenarkan operasi ternakan babi di Tanjung Sepat sebelum dipindahkan ke Bukit Tagar.



LADANG babi tradisional menyebabkan sungai yang terletak berhampiran turut tercemar dengan sisa najis di Tanjung Sepat.

Baginda menzahirkan kebimbangan berikutan Kuala Langat didiami ramai penduduk Melayu dan masalah ternakan babi di kawasan itu masih gagal diselesaikan sepenuhnya sejak 2010. Justeru, Sultan Sharafud-

din turut mengusulkan kepada wakil-wakil rakyat menetap bersebelahan kawasan ternakan babi seperti di Kuala Langat bagi menempuh sendiri pengalaman sebenar seperti dialami penduduk.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2026	KOSMO	NEGARA	3

Pastikan tiada bau babi – Penduduk

DARI MUKA 1

"Kalau ladang babi pula dibuka, kami risau air kotor akan mengalir masuk ke Sungai Selangor. Apabila sungai tercemar, penyakit pun boleh merebak," katanya.

Penduduk Felda Sungai Tenggi Selatan, Muhammad Sahar Romaizi, 28, berkata, komuniti di situ secara terbuka menyatakan bantahan kerana cadangan itu disifatkan tidak selari dengan identiti dan sensitiviti penduduk setempat.

Katanya, kawasan berkenaan didiami hampir majoriti masyarakat Melayu selain dikelilingi penempatan lama, kawasan Felda dan ladang pertanian.

"Sejak kecil saya tinggal di sini, tak pernah dalam sejarah kawasan berhampiran felda ada ternakan babi. Di kampung kami, lebih 99 peratus pen-



duduk Melayu dan melebihi 200 buah keluarga.

"Isu ini telah kecoh sejak semalam (kelmarin). Ramai yang mendakwa pencemaran bukan sekadar bau, tetapi risiko penyakit lain. Bagi kami orang Islam, ia sangat sensitif.

"Beri satu jaminan kepada kami yang ladang babi ini tidak akan menyebabkan pencemaran," katanya yang bekerja sebagai pengawal keselamatan di sebuah syarikat pelupusan.

Penduduk Felda Soeharto, Muhammad Firdaus Azmi, 38, pula terkejut apabila dimaklumkan kawasan berhampiran tempat tinggalnya dikenal pasti sebagai ladang berpusat moden ternakan babi.

"Saya dan keluarga sudah tinggal di sini sejak awal 1980-an. Apabila dengar berita ini, memang terkejut," katanya.

Justeru, rata-rata penduduk berharap kerajaan negeri dapat segera memberi penjelasan terperinci mengenai cadangan projek ternakan babi itu.

Selain itu, proses perbincangan dengan penduduk juga penting bagi memastikan sebarang keputusan dibuat tanpa menjejaskan kesejahteraan ko-

muniti setempat.

Semalam *Kosmo!* melaporkan, kesemua 115 ladang ternakan babi di Kuala Langat dan Sepang, melibatkan 100,000 ekor babi akan ditutup dan dipindahkan ke ladang berpusat moden di Bukit Tagar secara berperingkat.

Operasi pemindahan ternakan babi sepenuhnya ke sebuah kawasan ladang sawit seluas 202 hektar itu akan disegerakan tahun ini.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Ir. Izham Hashim dilaporkan berkata, Bukit Tagar dikenal pasti satu-satunya lokasi baharu bagi ternakan itu di Selangor dengan syarat ketat termasuk zon penampungan luas, sistem tertutup dan kaedah zero discharge.

Lokasi di tanah milik persendirian itu terletak di kawasan jauh dari lokaliti penduduk dan sungai.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2026	KOSMO	NEGARA	3

Sumber bekalan air jadi 'taruhan'

SHAH ALAM – Keselamatan bekalan air buat jutaan penduduk tidak wajar dipertaruhkan demi pembangunan pusat ternakan babi moden di Bukit Tagar, Hulu Selangor, memandangkan kawasan itu terletak di zon tadahan air Sungai Selangor.

Pengerusi Majlis Kualiti Alam Sekeliling, Prof. Dr. Maketab Mohamed berkata, pertimbangan sewajarnya perlu dilakukan kerana terdapat lima Loji Rawatan Air (LRA) yang membekalkan lebih 50 peratus air terawak untuk penduduk Lembah Klang.

Katanya, ini termasuk LRA Rantau Panjang lama dan baharu, muka sauk Fasa 3 Gamuda Water dan muka sauk 1 dan 2 LRA Sungai Selangor.

"Lokasi cadangan penternakan babi itu amat sensitif. Risiko pencemaran itu adalah jika sistem kumbahan ternakan gagal, seperti pecah kolam najis atau limpahan akibat hujan lebat.

"Potensi air sisa memasuki Sungai Selangor tetap wujud walaupun Exco berkaitan menyatakan tiada pelepasan sisa itu," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Menurutnya, dalam keadaan normal (bukan hujan lebat), air sisa boleh sampai ke muka sauk LRA dalam masa kurang sejam khususnya di kawasan Bestari Jaya.

"Di negara maju, penternakan haiwan tidak dilakukan dalam kawasan tadahan air, selaras dengan prinsip berjaga-jaga.

"Justeru, keselamatan bekalan air jutaan rakyat tidak wajar dipertaruhkan demi pembangunan pusat ternakan babi," katanya.

Pakar Kualiti Air, Dr. Zaki Zainudin pula berkata, air sisa ternakan babi mencatatkan beban pencemaran tertinggi di negara ini pada tahun 2024.

Katanya, berdasarkan hasil Laporan Kualiti Alam Sekeliling pada 2024 dibuat Jabatan Alam Sekitar (JAS) menunjukkan parameter pepejal terampai (SS) iaitu pada 309.8 tan sehari dan kedua tertinggi bagi parameter BOD (organik) pada 149.2 tan sehari.

"Beban air sisa ini agak tinggi (dan hanya dapat diatasi oleh sistem pengolahan kumbahan (bagi parameter BOD). Ia lebih tinggi daripada industri pembuat dan pertanian serta menunjukkan beban air sisa daripada ternakan babi di seluruh negara amat signifikan.

"Daripada laporan sama, Perak dan Selangor mencatat beban BOD, SS dan ammonia tertinggi daripada ternakan babi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	9

Kerajaan disaran beri keutamaan capai sara diri daging lembu

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH - Usaha meningkatkan kadar sara diri (SSL) daging lembu di negara ini wajar diberi keutamaan oleh kerajaan dengan memperluaskan kawasan penternakan lembu berbanding ternakan babi yang kini didakwa telah melebihi keperluan domestik.

Seorang penternak, Mohd Hashim Ayub berkata, ketika ini Malaysia masih bergantung kepada import lembu dari Thailand bagi memenuhi permintaan dalam negara berbeza dengan ternakan babi yang sebahagiannya dieksport ke luar negara.

Menurutnya, walaupun eksport babi memberi pulangan ekonomi kepada negara, keperluan daging lembu untuk pasaran tempatan tidak boleh diketepikan.

"Setiap perkara ada pro dan kontra. Eksport babi menjana pendapatan, namun pada masa sama kita terpaksa mengimport lembu bagi memastikan bekalan daging dalam negara mencukupi.

"Jika kerajaan fokus kepada penternakan lembu hingga mencapai tahap SSL, ia bukan sahaja menjamin bekalan makanan, malah menjimatkan perbelanjaan negara kerana tidak lagi bergantung kepada import," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Mohd Hashim turut menyedari beberapa usaha ke arah meningkatkan pengeluaran ternakan lembu kini sedang dilaksanakan

Ternak lembu lebih bagus daripada babi

LAPORAN MUKA DEPAN



Mohd Hashim bersama ternakan lembu yang diusahakan di Perak dan Selangor.

kerajaan termasuk program pembiakan baka, pengimportan lembu serta pelaksanaan skim fidlot.

Menurutnya, inisiatif tersebut merupakan langkah yang baik namun perlu dilaksanakan secara serius dan melibatkan pemain industri berpengalaman bagi me-

mastikan keberkesanannya.

"Faktor paling penting ialah modal insan. Tanpa tenaga kerja mahir dan berpengetahuan, saya bimbang sasaran yang ditetapkan tidak akan tercapai kerana penternakan lembu bukan sesuatu yang mudah.

"Kita juga perlu berhati-hati agar pe-

rancangan dibuat secara seimbang bagi mengelakkan lambakan yang boleh menjejaskan kestabilan harga," katanya yang telah berkecimpung dalam industri tersebut sejak lebih 30 tahun lalu.

Sementara itu, beliau turut mencadangkan agar kerajaan memberi perhatian kepada subsidi makanan ternakan memandangkan kira-kira 70 peratus kos penternakan lembu melibatkan perbelanjaan makanan.

Katanya, jika isu kos ini dapat ditangani penternak tempatan mampu meningkatkan pengeluaran sekali gus memastikan rakyat menikmati daging pada harga berpatutan tanpa perlu bergantung kepada import.

Sebelum ini Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Isham Ishak memaklumkan bahawa Malaysia memerlukan lebih tiga juta ekor lembu menjelang 2030 bagi memenuhi keperluan bekalan daging dan tenusu domestik.

Beliau berkata, pembangunan industri ruminan negara menjadi antara fokus utama KPKM dalam perancangan jangka panjang untuk memperkukuh sektor agromakanan melalui penerapan teknologi moden seperti kecerdasan buatan (AI) dan dron bagi meningkatkan produktiviti sektor itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	9

Bukit Tagar lokasi sesuai ganti Tanjong Sepat



RANDOLPH

SHAH ALAM – Cadangan pemindahan industri penternakan babi ke Bukit Tagar di Hulu Selangor disifatkan sebagai penyelesaian strategik dan praktikal yang boleh mengatasi isu pencemaran dan konflik kawasan penempatan.

Naib Presiden Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia, Randolph Jerimiah berkata, lokasi tersebut terletak jauh daripada kawasan petempatan.

Menurutnya, ia merupakan peluang untuk membangunkan kemudahan moden secara bersepadu, termasuk sistem rawatan sisa kumbahan berpusat.

"Dengan kewujudan kemudahan moden, pemantauan berterusan dan penguatkuasaan yang berkesan, impak alam sekitar yang berkaitan dengan industri penternakan babi dapat dikawal serta dikurangkan dengan

lebih berkesan.

"Ia berbeza dengan lokasi sebelum ini. Pembangunan industri ini berlaku semasa perancangan am yang tidak mencukupi, khususnya dari segi kesesuaian guna tanah, kawalan pencemaran dan

pengurusan sisa.

"Ini telah mengakibatkan pelbagai isu seperti pencemaran air dan bau yang memberi kesan negatif kepada kesejahteraan penduduk setempat," ujarnya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

Tambah Randolph, tidak dinafikan industri penternakan babi di Tanjong Sepat telah beroperasi selama lebih 30 tahun dan menyumbang kepada peluang ekonomi serta bekalan daging babi untuk pasaran domestik.

"Oleh sebab itu, proses perundingan yang terancang dengan pengusaha industri adalah penting.

"Pelan pemindahan yang jelas, berperingkat, dan terikat dengan tempoh masa perlu dibangunkan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan serta mengurangkan kesan kewangan dan operasi ke atas pengusaha sedia ada," katanya.

PENTERNAKAN BABI TRADISIONAL VS MODEN

TRADISIONAL	MODEN
Kaedah: Kandang terbuka, pengurusan sisa asas. Ciri utama: • Sistem kumbahan ringkas / tidak lengkap. • Risiko bau kuat dan effluen mencemar air/ tanah lebih tinggi jika pelepasan tidak dirawat sempurna. • Kos rendah, tetapi kurang efisien dan kawalan kebersihan lemah. Kesan: Berpotensi mencetus pencemaran sungai dan bau yang mengganggu komuniti setempat. 	Kaedah: Kandang tertutup, teknologi kawalan suhu/biosekuriti, rawatan sisa lebih sistematik. Ciri utama: • Ada Sistem Pengolahan Effluen (SPE) dan amalan <i>zero discharge</i> (tiada sisa dibuang terus ke sungai). • Pematuhan GAHP (Amalan Perlindungan Babi Yang Baik) dan pemantauan kesihatan ternakan lebih ketat. • Operasi biasanya bertesen dan lebih terkawal. Kelebihan: Kurangkan pencemaran bau dan air, lebih selamat untuk alam sekitar dan komuniti. 

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veteriner

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/1/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	8

EIA, SIA jadi keutamaan pindah ladang babi



Kerajaan negeri patuhi titah Sultan Selangor percepat penutupan ladang babi di Kuala Langat

SHAH ALAM - Kerajaan negeri Selangor akan menjadikan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Penilaian Impak Sosial (SIA) sebagai keutamaan dalam operasi penternakan babi yang bakal dipindahkan segera ke Bukit Tagar, Hulu Selangor.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, sebarang tapak pemindahan tetap perlu melalui proses EIA serta penilaian sistem kumbahan bagi memastikan ia tidak menjejaskan sungai dan kawasan persekitaran.

"Kita mahu pastikan sistem kumbahan itu boleh berdiri sendiri tidak dilepaskan ke sungai dan tidak memberi risiko kepada alam sekitar," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Watikah Pelantikan Pengerusi Panel Penasihat Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) Selangor dan Kuala Lumpur, di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai titah Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah supaya aktiviti penternakan babi di kawasan Tanjong Sepat,



AMIRUDIN

Kuala Langat dihentikan secara beransur-ansur dan operasinya dipindahkan ke Bukit Tagar mengikut perancangan serta mematuhi semua keperluan perundangan dan peraturan berkaitan.

Amirudin berkata, kerajaan negeri menjunjung titah Sultan Selangor untuk mempercepat penutupan penternakan tradisional yang mencemar, meskipun perancangan awal menetapkan tempoh pemindahan tiga tahun.

"Titah Tuanku jelas, tidak mahu konsep mega atau eksport, sebaliknya menumpu-

REAKSI



Titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berhubung kontroversi penternakan babi di Tanjong Sepat, Kuala Langat, mencerminkan kebijaksanaan Raja Berperlembagaan yang berpaksikan tuntutan agama, kepentingan awam dan keharmonian sosial dalam masyarakat majmuk.

- Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin

kan kepada penutupan operasi yang mencemar dan memenuhi keperluan tempatan sahaja. Insya-ALLAH kita akan laksanakan dengan segera dan sebaik mungkin.

"Setakat ini, kita telah mengenal pasti 69 pengusaha yang masih aktif. Lesen selebihnya telah pun ditarik balik sebelum ini dan kita akan mengeluarkan mereka secepat mungkin kerana selagi kawasan itu tidak ditutup, selagi itulah pencemaran daripada penternakan tradisional berterusan.

"Sebab itu langkah awal kita adalah menamatkan pengurusan tradisional dan beralih kepada penternakan moden," katanya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan data awal daripada Jabatan Veterinar menunjukkan jumlah ternakan sedia ada dianggarkan 100,000 hingga 120,000 ekor, yang hanya memenuhi kira-kira 30 peratus keperluan tempatan.

"Tuanku menitahkan supaya kajian lebih terperinci dibuat dan kita akan melantik badan bebas untuk menilai keperluan sebenar, termasuk permintaan pasaran.

"Operasi ladang tersebut juga tidak akan diperluaskan atau dibesarkan dan hanya bertujuan memenuhi keperluan tempatan," katanya. - *Bernama*

LAPORAN MUKA DEPAN